

Yahya dari SMK Ranza-Ranza dinobatkan Guru Inspirasi Kebangsaan McDonald's 2020



ANUGERAH: Yahya menerima plak Guru Inspirasi.

Oleh Henry Bating

LABUAN: Anugerah Guru Inspirasi McDonald's Kebangsaan 2020 disampaikan kepada Yahya Ahmad Puteh, guru di SMK Ranza-Ranza yang dimuktamadkan hasil penilaian 5,000 artikel pelajar tentang guru mereka.

Pemilihan Yahya sebagai penerima anugerah berprestij dinilai dari karya pelajar sekolah berkenaan Ukail Syamil Najmuddin, penghidap asma berumur 18 tahun yang sepatutnya menduduki SPM 2019 namun ditangguhkan ke tahun ini kerana dirawat di Hospital Nukleus Labuan.

"Karya Ukail bertajuk 'Aku dan Cikguku' yang mengisahkan pergelutan batin dan nyawa pelajar itu sepanjang

menerima rawatan menampilkan Yahya sebagai guru yang telah memberikan inspirasi," demikian petikan daripada sumber panel penilai.

Menanggapi pemilihan sebagai penerima Anugerah Guru Inspirasi McDonald's Kebangsaan 2020, Yahya menyatakan sebak ketika diumumkan sebagai penerima kerana anugerah itu baginya amat besar dan tinggi nilainya.

"Saya hanya melakukan apa-apa yang terbaik kepada anak-anak murid saya. Saya tidak mengharapkan balasan atas setiap yang saya lakukan kepada murid. Saya mahu mereka berjaya sahaja," jelasnya.

Menurut Yahya, anugerah itu amat berprestij kerana dalam kalangan 5,000 pencalonan dari kalangan pelajar

di seluruh negara, dirinya terpilih sebagai guru yang dapat memberikan inspirasi kepada murid.

"Saya terharu, sedih dan gembira dengan penganugerahan ini," katanya.

Anugerah tajaan McDonald 'situ bernilai RM5,000 tunai yang diiringi piala, plak dan beberapa hadiah lain.

Dalam rasa terharu menerima anugerah besar di peringkat kebangsaan, Yahya berharap penganugerahan itu sekurang-kurangnya melakar sejarah bahawa di Labuan telah ada guru inspirasi yang terpilih menerima satu anugerah dalam kalangan guru-guru di seluruh negara.

Beliau mula mengajar di SM. St. Anne Labuan pada tahun 1998 lalu dipindahkan ke SM.

St. Anthony Labuan pada tahun 2012 dan pada tahun 2015 dipindahkan ke SMK Ranza-Ranza sehingga kini.

Yahya menceritakan banyak pengalaman manis dan pahit yang telah dilalui sepanjang 22 tahun berkhidmat namun yang tidak dapat dilupakan ialah SMK Ranza-Ranza dengan kejadian Ukail pada saat seluruh warga sekolah sedang memastikan kecemerlangan pelajar Tingkatan 5.

Yahya menceritakan, Ukail adalah pelajar Tingkatan 5, diserang penyakit asma pada saat penyerahan slip keputusan peperiksaan percubaan kepada ibu bapa.

Ketika itu mereka dimaklumkan Ukail dimasukkan ke dalam wad dan koma.

"Peristiwa itu benar-benar

menyentap perasaan saya lalu mengambil berat tentang Ukail dan boleh dikatakan setiap selang sehari, saya akan ke hospital untuk melihat sendiri perkembangan Ukail," katanya.

Yahya menjelaskan jika ia berkursus ke luar Labuan, akan dia pastikan ke hospital sebaik sahaja pesawat mendarat untuk melihat perkembangan Ukail.

Kejadian yang menimpa Ukail katanya, menjadikan dirinya bertambah sayang kepada semua anak murid sehingga menganggap mereka sebagai keluarga dan mahu memberikan mereka kegembiraan.

"Saya percaya dengan rasa peduli kepada anak-anak murid, mereka akan berubah dan berjaya," katanya.